

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**  
**RUJUKAN : BL5 [PR-1331-T65971]**  
**SOALAN :**

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan terkini perkembangan dan maklumat berkaitan tentang kos projek dan skop kerja secara menyeluruh bagi:-

- (a) Pusat Penyembelihan Ayam Kuala Lumpur; dan
- (b) Projek Penambahbaikan Pasar Pudu dan cadangan pemindahan dan pembinaan semula Velodrom Cheras Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, Pusat Penyembelihan Ayam Kuala Lumpur telah dicadangkan dibina di atas sebahagian tapak Pasar Harian Selayang, Kuala Lumpur dengan anggaran keluasan 2 ekar. Walau bagaimana pun, keputusan berkaitan kos dan kaedah pelaksanaan projek tersebut masih belum dimuktamadkan sehingga kini.

Bagi menaik taraf Pasar Pudu, projek tersebut hanya akan dapat dilaksanakan apabila semua perkara yang berkaitan dengan perancangan pembinaan telah diselesaikan. Datuk Bandar Kuala Lumpur telah beberapa kali membuat pertemuan dengan wakil peniaga Pasar Pudu bagi membincangkan perkara ini. Pada ketika ini, projek tersebut masih di dalam peringkat reka bentuk di mana pasar tersebut sedang dalam peringkat penyediaan pelan susun atur (*layout plan*).

Bagi pembinaan semula Velodrom di tapak baru, cadangan projek tersebut masih dalam peringkat perancangan dan reka bentuk. Sehubungan itu, kos bagi projek pembinaan semula Velodrom masih belum dapat dimuktamadkan.